

## [ANALYSIS OF SELECTED LITERATURE ON PREFIXING (TAQDIM AND ENDING (TA'KHIR) LANGUAGE STYLE]

### ANALISIS LITERATUR PILIHAN TERHADAP KONSEP GAYA BAHASA PENDEPANAN (AL-TAQDIM) DAN PENGAKHIRAN (AL-TA'KHIR)

Muhammad Anas Alias

anas\_alias@yahoo.com (Corresponding Author)

Research Center for Arabic Language and Islamic Civilization,  
Faculty of Islamic Studies, National University of Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Md Nor Abdullah

monab@ukm.edu.my

Research Center for Arabic Language and Islamic Civilization,  
Faculty of Islamic Studies, National University of Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

#### Abstrak

Fenomena التقدیم (pendepan) dan التأکیر (pengakhiran) merupakan salah satu isu gaya bahasa dibahaskan oleh sarjana Nahu dan Balaghah. Terdapat pelbagai faktor dalam proses pendepanan dan pengakhiran yang menarik minat para pengkaji untuk melihat kesannya terhadap konteks ujaran. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meneliti kajian lepas yang dilakukan terhadap gaya bahasa pendepanan dan pengakhiran serta meneliti isu yang boleh dijadikan kajian baru pada masa akan datang. Kajian ini merupakan sebuah kajian kualitatif berbentuk tinjauan literatur. Data diperoleh daripada pelbagai rujukan seperti buku, disertasi, jurnal dan sebagainya. Data yang diperoleh dianalisis secara tematik dan deskriptif. Dapatkan umum menunjukkan kajian pengaplikasian gaya bahasa pendepanan dan pengakhiran terhadap surah-surah dalam al-Qur'an menarik minat ramai pengkaji-pengkaji bahasa. Hal ini kerana terdapat pelbagai faktor mendorong berlaku proses pendepanan dan pengakhiran. Selain itu, terdapat kajian tematik aspek tertentu masih mempunyai ruang untuk diteliti dan dikaji.

**Kata kunci:** pendepanan, pengakhiran, gaya bahasa, bahasa Arab, balaghah, al-Qur'an

#### Abstract

The phenomenon of prefixing and ending is one of the language style issues debated by Nahu and Balaghah scholars. There are various factors in the process of introduction and ending that interest researchers to see the effect on the context of the speech. Therefore, this study was conducted to examine previous studies conducted on the language style of introduction and ending as well as to examine issues that can be used as new studies in the future. This study is a qualitative study in the form of a literature review. Data is obtained from various references such as books, dissertations, journals and so on. The data obtained was analyzed thematically and descriptively. The general findings show that the study of the application of the language style of introduction and ending to the surahs in the Qur'an attracts the interest of many language researchers. This is because there are various factors that encourage the process of presentation and ending. In addition, there is a thematic study of certain aspects that still have room to be researched and studied.

**Keyword:** prefixing, ending, language style, Arabic language, balaghah, al-Qur'an

Article Received:  
22 August 2021

Article Reviewed:  
11 November 2021

Article Published:  
15 December 2022

## PENGENALAN

Gaya bahasa adalah medium digunakan oleh manusia untuk berinteraksi antara satu sama lain. Ia merupakan istilah pengaplikasian untuk mengekspresi teknik penggayaan bahasa yang mana ia dianggap sebagai alat untuk menulis (Aziah & Mohd Fazli, 2016). Peranan gaya bahasa tidak terhad kepada penulisan kerana ia juga digunakan dalam aktiviti harian manusia untuk berkomunikasi. Dalam bahasa Arab, terdapat pelbagai gaya bahasa digunakan untuk menyampaikan mesej-mesej ujaran tertentu. Salah satu gaya bahasa tersebut adalah gaya bahasa Pendepenan (*al-Taqdim*) dan Pengakhiran (*al-Ta'khir*).

Perkataan *al-Taqdim* dan *al-Ta'khir* adalah dua bentuk kata terbitan (*masdar*) yang berkaitan antara satu sama lain dan saling melengkapi. *al-Taqdim* dan *al-Ta'khir* merupakan satu konsep perubahan susunan asal kata dalam ayat berdasarkan disiplin ilmu Balaghah. Secara etimologi, *al-Taqdim* dan *al-Ta'khir* merupakan perkataan yang berlawanan antara satu sama lain kerana *al-Taqdim* bermaksud mendahulukan dan *al-Ta'khir* bermaksud melambatkan atau mengakhirkan (Umar, 2008).

Konsep pendepenan dan pengakhiran merupakan perbincangan tentang keutamaan susunan perkataan. Setiap kedudukan kata bergantung kepada kehendak konteks ketika ia diujarkan. Dalam ucapan atau penulisan, semestinya terdapat perkara penting perlu diutamakan. Untuk memberi fokus kepada pendengar, perkara utama akan didahulukan berbanding perkara lain (Atiq, 2009).

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan analisis deskriptif melalui reka bentuk kajian literatur. Ahmad Sunawari (2016) menyatakan penyelidikan deskriptif bertujuan memberikan penjelasan dan tafsiran terhadap persoalan berbentuk ‘apakah dia’ (*what is*). Tumpuan difokuskan kepada suasana atau hubungan yang wujud antara pembolehubah yang terlibat, pendapat, proses, kesan yang mempunyai bukti, atau *trend* semasa. Data kajian ini diperolehi berpandukan pelbagai rujukan seperti buku, tesis, disertasi, jurnal, kertas kerja, prosiding seminar dan bahan-bahan bercetak yang berkaitan.

Data-data akan dianalisis secara tematik. Analisis tematik merupakan salah satu kaedah dalam kajian kualitatif untuk menentukan corak (*trend*) melalui data yang dikumpulkan pengkaji (Braun & Clarke, 2006). Kaedah ini bukan sahaja untuk menjelaskan data dikenalpasti tetapi menerangkan proses-proses melibatkan pemilihan tema (Kiger & Varpio, 2020).

## ANALISIS TEMATIK TINJAUAN LITERATUR

### Pendepenan dan Pengakhiran dalam Aspek Balaghah

Perbahasan gaya bahasa pendepenan dan pengakhiran dalam aspek Balaghah lebih tertumpu kepada faktor tidak melibatkan aspek tatabahasa. 'Abd al-Halim (2010), ketika membahaskan pendepenan dan pengakhiran, kedudukan kata yang didepankan memainkan peranan penting dalam menyampaikan makna. Jenis kata yang berada dihadapan menentukan fokus utama dalam penyampaian sesuatu ujaran. Dinamika struktur gaya bahasa ini akan memberi kesan kepada makna berdasarkan konteks ujaran.

Awal kajian ramai sarjana klasik seperti Sibawayh mengutarakan faktor berlaku proses gaya bahasa pendepenan dan pengakhiran di sebabkan kepentingan (*al-ihtimam*) dan penjagaan (*al-inayah*). Kedua-dua faktor tersebut merupakan faktor utama konsep

pendepenan dan pengakhiran berlaku ('Umar, 2014; al-Athir, t.th; Sibawayh, 1983 Shaykhun, 1983). Walau bagaimanapun, selain faktor kepentingan (*ihtimam*) dan penjagaan ('inayah), terdapat faktor lain lebih spesifik supaya makna terhasil tepat berdasarkan konteks (al-Jurjani, 2013).

Perbahasan sedemikian berlanjutan sehingga kemunculan al-Jurjani membuka dimensi makna lebih luas, membongkar rahsia-rahsia pendepenan dan pengakhiran. Faktor-faktor spesifik mula dibincang al-Jurjani melalui beberapa contoh gaya bahasa pendepenan dalam karyanya *Dala'il al-I'jaz* seterusnya diikuti sarjana-sarjana selepasnya ('Umar, 2014).

Garapan Talqis Nurdianto (2015), al-Samirra'i (2006), Matlub (2006), Nasif et al. (2004) dan al-Zarkashi (2001) menunjukkan faktor spesifik terhasil sebanyak 25 faktor. Faktor-faktor tersebut ialah aspek masa dan kewujudan, bilangan, sebab, kedudukan, keagungan, menarik perhatian, kemuliaan, kemenangan, konteks, tidak mengambil ringan, menguatkan perkara selepasnya, kepentingan, kata berlawanan, pengasingan, perpindahan, susunan menaik, mendahului kata tunggal sebelum kata jamak, amaran, menakutkan, kehairanan, kekuatan, susunan, ringan pada lafaz, memelihara *fawasil* dan penghususan.

Selain itu, al-Musiri (2005), 'Atiq (2009), al-Athir (t.th) dan al-Maraghi (1993) turut menyatakan faktor tambahan pendepenan iaitu kegembiraan, keburukan, menambah makna, mengindahkan lafaz, menginginkan perkara yang diakhirkankan, semangat, mengambil berkat, menafikan perkara umum, mengumumkan penafian, larangan, kebanggaan, belas kasihan, ganjil, merintih, menjelaskan keadaan dan celaan.

Manakala dari aspek struktur asas *balaghah*, *isnad* merupakan satu konsep utama dalam ilmu *al-ma'ani*. Setiap ujaran boleh dijelaskan berdasarkan konsep ini dengan meneliti *musnad* (pesandar) dan *musnad ilayh* (penyandar). *Musnad* dan *musnad ilayh* wujud dalam suatu ujaran bahasa Arab sama ada secara jelas atau diandaikan dalam pemikiran pengujar atau pendengar (Azman, 2018).

al-Hashimi (2006), Qasim dan Dib (2003), al-'Akub dan al-Shatiwi (1993), al-Maraghi (1993) serta al-Sakkaki (1987) membuat pembahagian Pendepenan dan Pengakhiran kepada *musnad* dan *musnad ilayh*. Terdapat sebelas faktor pendepenan *musnad* dan dua belas faktor pendepenan *musnad ilayh*. Pendepenan *musnad* berlaku disebabkan; asal kedudukan di hadapan, keliru jika diakhirkankan, mengkhususkan *musnad ilayh*, memberi semangat, nikmat, mengambil berkat, mengumumkan penafian, menafikan secara umum, menyatakan kesengsaraan, takjub, kegembiraan, amaran, keagungan, pujian, celaan, belas ihsan dan doa.

Manakala faktor situasi pendepenan *musnad ilayh* untuk menyampaikan berita gembira, menyampaikan berita sedih, mendorong pendengar mengikuti semua ujaran, menghayati makna/nama yang disebut, mengambil keberkatan, menafikan perkara umum, mengumumkan penafian, penghususan, larangan, ganjil, susunan menaik dan turutan masa aspek kewujudan (al-Hashimi, 2006; Qasim & Dib, 2003; al-'Akub & al-Shatiwi, 1993; al-Maraghi, 1993; al-Sakkaki, 1987).

Faktor paling masyhur terdapat dalam al-Qur'an dalam aspek *musnad* dan *musnad ilayh* adalah penghususan, peringatan, memelihara dan keinginan (Nurul Izzah, 2017). Bilangan faktor-faktor pendepenan dari aspek Balaghah tiada had kerana ia melibatkan kehendak konteks ('Atiq, 2009).

Berdasarkan faktor-faktor pendepenan dikemukakan sebelum ini dipersetujui sebilangan besar sarjana-sarjana klasik atau sarjana moden terkemudian melalui karya-karya mereka. Variasi faktor yang muncul menunjukkan proses pendepenan mempunyai pelbagai tujuan. Hal ini menimbulkan kehebatan gaya bahasa terdapat dalam al-Qur'an.

## Pendepenan dan Pengakhiran dalam Aspek Nahu

Antara sarjana terawal membahas tentang pendepenan aspek *nahw* adalah al-Farahidi. Fokus perbincangan beliau tentang kesahan struktur ayat apabila proses pendepenan berlaku di luar asas tatabahasa Arab. Pendepenan dikemukakan beliau adalah pendepenan dengan niat untuk mengakhirkan (*taqdim 'ala niyyat al-ta'khir*). Contohnya, pendepenan objek sebelum kata kerja menyebabkan perubahan kedudukan asal struktur *nahw*. Walau bagaimanpun, hukum fleksi terdapat pada objek dan kata kerja tidak berubah sebagaimana hukum fleksi pada kedudukan asal ('Umar, 2014).

Sarjana *nahw* aliran klasik berpendapat proses pendepenan dalam struktur ujaran adalah kerana kepentingan (*ihtimam*) dan penjagaan (*inayah*). Namun terdapat sarjana *nahu* aliran kontemporari mempunyai pendapat berbeza tentang kesan pendepenan terhadap makna. Ibrahim Anis berpandangan gaya bahasa *al-Taqdim* dan *al-Ta'khir* tidak memberikan kesan kepada makna ayat dan ia hanya diterima pakai dalam bahasa *syair* bagi mengindahkannya sahaja. Meskipun demikian, pendapat beliau tidak kukuh kerana gaya bahasa pendepenan sangat berkait rapat dengan *nahu* dan makna-makna Balaghah ('Umar, 2014).

Gaya bahasa pendepenan dan pengakhiran dari aspek *nahu* merangkumi asas pembentukan struktur ayat. Asas struktur pembinaan ayat bahasa Arab terbahagi kepada dua kategori. Kategori pertama ayat namaan (subjek + prediket) dan kedua ayat kerjaan (kata kerja + pelaku). Daripada ayat dasar ini, dapat diperluaskan lagi dengan pelbagai penambahan dan olahan melalui penambahan kata fungsian dan frasa tertentu. Perluasan tersebut boleh menghasilkan pelbagai ayat-ayat gramatis. Hal ini akan menghasilkan makna derivasi tertentu pada ayat yang melalui proses transformasi (Ismail & Azman, 2010). 'Ali (2012) menambah, separa ayat (*shibh al-jumlah*) juga salah satu pembentukan struktur ayat dalam aspek gaya bahasa pendepenan dan pengakhiran.

Ibn Siraj menukilkan keadaan tertentu struktur ayat tidak boleh berpindah kedudukan. Antara keadaan tersebut ialah, *silah* tidak mendahului *mawsul*, *sifat* tidak mendahului *mawsuf*, *mudaf ilayh* tidak mendahului *mudaf*, pelaku tidak mendahului kata kerja, *tamyiz* tidak mendahului *nasib*, lafaz tidak mendahului agen fleksi ('amil), huruf yang harus berada di hadapan seperti kata tanya dan kata nafi tidak mendahului kata selepasnya dan elakkan kekeliruan. Walau bagaimanapun, Sibawayh dan beberapa sarjana klasik menegaskan hal tersebut boleh berlaku dalam gaya bahasa pendepenan dan pengakhiran dengan syarat makna berhasil daripada proses tersebut menghasilkan makna dengan jelas ('Ali, 2012).

Pendepenan aspek *nahw* menurut al-Samirra'i (2006) dan Mahmud (2005) pendepenan melibatkan agen fleksi. Kedudukan asal agen fleksi berada di hadapan namun dalam proses pendepenan, ia diakhirkan. Contohnya pendepenan prediket sebelum subjek, *hal* sebelum kata kerja, kata keterangan tempat atau masa (*zarf*) dan *jar majrur* sebelum kata kerja dan sebagainya.

al-Zamakhshari (2009) dan al-Sakkaki (1987) berpendapat kebanyakan pendepenan melibatkan aspek kata kerja menghasilkan makna pengkhususan. Namun al-Athir (t.th.) dan al-Qazwini (2003) menjelaskan meskipun kebanyakan membawa maksud pengkhususan, terdapat faktor lain mendorong berlaku pendepenan iaitu faktor susunan ujaran. al-Samirra'i (2006), al-'Akub dan al-Shatiwi (1993) serta al-Maraghi (1993) menyenaraikan sebelas faktor selain pengkhususan. Senarai berikut adalah: menjawab jawapan salah, kepentingan, menyatakan kegembiraan, menyatakan keburukan, mengambil berkat, seiring dengan ujaran pendengar, memuji, mencela, mengagungkan, menikmati, keperluan *syair*, memelihara irama *fasilah* dan *saja'*, keingkaran dan sebagainya. Abu Musa (1996) berpendapat faktor pendepenan *nahu* selain kata kerja bergantung konteks ujaran.

Kajian al-Bawwab (2006) dalam *al-Taqdim wa al-Ta'khir fi Mithl al-'Arabi Dirasat Nahwiyyat Balaghhiyyat* mendapati terdapat perbezaan pendapat tentang perumpaan

Arab dalam gaya bahasa pendepan dan pengakhiran. Terdapat pandangan menganggap penggunaan gaya bahasa pendepan dan pengakhiran untuk menghasilkan perumpaan masih boleh diterima walaupun tidak mematuhi disiplin ilmu nahu. Perumpamaan adalah salah satu daripada sumber yang didengar (*sima'i*) yang membantu pembentukan disiplin ilmu *nahw*.

Gaya bahasa pendepan dan pengakhiran melibatkan aspek nahu mementingkan penstrukturran ayat supaya mematuhi disiplin ilmu nahu. Hukum fleksi (*i'rab*) digunakan sebagai kayu ukur kesahan proses pendepan dan pengakhiran. Proses pendepan tidak memenuhi hukum fleksi menyebabkan kesamaran atau kerosakan makna.

### Kajian Pendepan dan Pengakhiran dalam al-Qur'an

Pelbagai variasi kajian tentang gaya bahasa Pendepan dan Pengakhiran dalam al-Qur'an telah dijalankan sebelum ini. Hal ini kerana kajian gaya bahasa pendepan dan pengakhiran dalam al-Qur'an mempunyai kepentingan dalam menyerlahkan ciri-ciri linguistik dan kelebihan Balaghah (Nayf & Wasij, 2014).

Muhammad Nur Farhan Zamziba (2021) melalui kajian aspek ayat *mutashabihat* dalam al-Qur'an, beliau menelusuri 85 ayat *mutashabihat* melibatkan gaya bahasa Pendepan dan Pengakhiran dalam al-Quran. Hasil garapan terdapat dua belas makna implisit memainkan peranan mengindahkan kemukjizatan gaya bahasa pendepan dan pengakhiran dalam al-Qur'an.

Kajian aplikasi gaya bahasa pendepan dan pengakhiran menarik minat para pengkaji untuk mengaplikasikan kepada surah-surah dalam al-Qur'an. Muhammad Anas dan Md Nor (2021) meneliti gaya bahasa tersebut terhadap Surah al-Mulk melalui aspek pendepan melibatkan agen fleksi dan tanpa agen fleksi. Sebanyak lima ayat dikenal pasti melibatkan agen fleksi yang didominasi pendepan partikel *jar majrur* disebabkan faktor pengkhususan. Manakala empat ayat tidak melibatkan agen fleksi kebanyakannya kerana faktor kedudukan.

Kajian Nur Shahirah Zolkanain dan Md Nor Abdullah (2019), Abd al-Halim (2010) serta Rafidah Abdullah (2007) terhadap aspek gaya bahasa pendepan dan pengakhiran Surah al-Baqarah diklasifikasikan kepada aspek *nahw* dan aspek *balaghah*. Aspek *nahw* dalam Surah al-Baqarah sebanyak enam jenis pendepan melibatkan objek, prediket, partikel *jar majrur* dan *zarf*, kata tanya hamzah, kata nafi 'և' dan *hal*. Manakala aspek *balaghah* sebanyak tiga belas iaitu kemuliaan, peningkatan dan peringkat, peringatan, kedudukan, mendahului aspek kewujudan, khusus kepada umum atau sebaliknya, amaran, masa, berat dan ringan atau sebaliknya, sebab, penegasan, konteks ayat, celaan, lebih berhak, berita gembira, paling senang dan paling susah, kekuatan, susunan kedudukan daripada tinggi kepada rendah atau sebaliknya, keagungan, keberkatan, *fawasil* dan kemunasabahan.

Berdasarkan analisis Talqis Nurdianto (2017) dan Ballawi (2016) terhadap Surah al-Fatiyah, gaya bahasa pendepan dan pengakhiran memainkan peranan penting dalam menyerlahkan makna. Melalui aspek nahu, penstrukturran ayat pendepan dan pengakhiran ditekankan supaya menepati kaedah tatabahasa Arab. Aspek *balaghah* pula menumpukan mengindahkan susunan kata berdasarkan nilai kata tersebut. Faktor dikenal pasti antaranya puji, susunan, pengkhususan, kepentingan dan keutamaan.

Nurul Izzah Azhar (2017) dalam kajiannya mendapati 92 ayat atau bersamaan 84% dalam Surah al-Kahfi mengandungi gaya bahasa Pendepan dan Pengakhiran. Didapati bahawa terdapat beberapa corak gaya bahasa terkandung dalam Surah al-Kahfi sekaligus ia datang dengan makna implisit. Antara bentuk tersebut Ibrahim (2010) ialah pendepan dengan niat mengakhirkannya, pendepan tanpa niat mengakhirkannya, pendepan kata tanya, pendepan *musnad ilayh* dan konteks. Faktor terhasil antaranya ialah pengkhususan, *fasilah*, kepentingan, penafian, penguat,

menggambarkan, bantahan, pengakuan, mengumumkan nafi, kehairanan, menyampaikan berita buruk atau gembira, dan peringatan perkara didepankan predikat bukan sifat.

Talqis Nurdianto (2017) dan Ghinam (1993) melakukan penelitian terhadap pandangan al-Jurjani tentang gaya bahasa pendepan dan pengakhiran dalam tulisannya karya *Dala'il al-I'jaz*. Melalui perbahasan contoh ayat al-Qur'an dipilih secara rawak, gaya bahasa pendepan dan pengakhiran mempunyai peranan tertentu dalam menyampaikan makna konteks sama ada dari persepektif nahu dan perspektif Balaghah. Shaykhun (1983) membuat kesimpulan bahawa gaya bahasa pendepan dan pengakhiran mengandungi pelbagai cabang dan rahsia sama ada dalam bahasa Arab atau dalam al-Qur'an. Ia dapat difahami melalui kesungguhan penelitian terhadap gaya bahasa tersebut dan tatabahasa Arab. Kedua-dua aspek tersebut menjadi wasilah paling utama pengetahuan kemukjizatan al-Qur'an.

Karangan Nayf dan Wasij (2014) pada ayat mempunyai kata النار عذاب dan mendapati sebanyak 54 tempat dalam al-Qur'an. Selain itu, beliau turut mengambil kira kata antonim bagi kedua-dua kata tersebut. Faktor yang dikesan dalam pendepan ini antaranya, *fasilah*, pengkhususan, kepentingan, penguat, memelihara, keliru jika diakhirkan, peringatan, amaran, penafian, menghairankan, mendahului, mengagungkan, memuliakan, sebab, menafikan umum, dan *muqabalah*.

Penggunaan *al-Taqdim* dan *al-Ta'khir* juga terdapat dalam dialog al-Qur'an. Penggunaan ini boleh dilihat menerusi beberapa aspek. Aspek pertama pendepan dan pengakhiran antara kata nama dan kata kerja dalam laras tanya sangkal dengan mendahulukan kata nama. Aspek kedua pendepan dan pengakhiran antara kata nama dan kata kerja dalam laras tanya sangkal dengan mendahulukan kata kerja. Aspek ketiga pendepan berdasarkan susunan keutamaan dan zaman. Aspek keempat pula mendahulukan agen fleksi (Mohd Abdul, 2014).

Kajian Abbas (2009) meliputi ayat mutasyabihat aspek sifat Allah SWT (المغفرة“)، (*sifat الذلة على المؤمنين*“)، (*الشدة على الكفار*“)، (*الحلم، المغفرة“*، (*الحكمة، العلم“*، (*الرحمة“*، (*النعاس“*، (*القسط“*، (*العدل“*، (*بكم“*، (*عمي“*، (*صم“*)، keadilan (“العدل“)، perang Badar dan Uhud (“الجنة“)، jihad (“الإنسان، الجن“)، Jin dan manusia (“الإنسان، الأموال، الأنفس“)، (*الصبر“*، (*الأمنة“*، (*التقوى“*). Pandangan beliau terhadap proses pendepan dalam aspek-aspek tersebut berlaku berdasarkan keadaan konteks yang mengutamakan kata tertentu berada di hadapan.

Perbincangan Muhammad (2007) tertumpu kepada kata الجن و الإنس. Beliau mendapati 12 tempat kata الجن و الإنس barada dalam al-Quran. Pendepan kata الجن و الإنس sebelum kata الإنس sebanyak sembilan tempat, manakala kedudukan kata الجن و الإنس sebelum kata الجن sebanyak tiga tempat. Faktor pendepan kedua-dua kata tersebut kerana untuk menjaga kepentingan makna konteks. Ayat melibatkan pendepan kata الجن و الإنس kerana fokus konteks kepada kata tersebut. Begitu juga ayat melibatkan pendepan kata الجن و الإنس kerana makna konteks ditujukan kepada kata itu.

al-Musiri (2005) dalam *Dalalat al-Taqdim wa al-Ta'khir fi al-Qur'an al-Karim Dirasat Tahliliyyat* membahas gaya bahasa pendepan dan pengakhiran dalam semua surah dalam al-Qur'an. Beliau menyenaraikan 32 sebab untuk menjelaskan fenomena *al-Taqdim* dan *al-Ta'khir* dalam al-Qur'an. Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati terdapat ayat dalam Surah Ali 'Imran yang mempunyai unsur gaya bahasa pendepan dan pengakhiran tidak disentuh oleh beliau. Selain itu, terdapat sebahagian perbahasan beliau tidak mendasar dan tidak memenuhi ciri-ciri perbahasan retorik Arab.

Kajian pengaplikasian gaya bahasa pendepan dan pengakhiran terhadap surah-surah tertentu dalam al-Qur'an semakin meluas. Namun kajian spesifik terhadap metodologi tertentu seperti berlandaskan kepada teori tertentu masih tidak meluas. Melalui penggunaan metodologi tertentu, dapatkan kajian dihasilkan mempunyai keunikan tersendiri.

## KESIMPULAN

Pendepan aspek *balaghah* merupakan perbahasan lanjutan daripada Pendepan aspek tatabahasa. Hal ini kerana perbahasan Pendepan dan Pengakhiran dalam tatabahasa difokuskan kepada perubahan struktur ayat supaya menepati piawaian disiplin ilmu nahu. Faktor berlaku proses perubahan struktur kepada gaya bahasa pendepan dan pengakhiran tersebut dibincangkan dalam aspek *balaghah*. Hasil penelitian dalam persepektif *balaghah* menunjukkan terdapat pelbagai sebab mendorong berlaku proses gaya bahasa pendepan dan pengakhiran. Kewujudan faktor-faktor tersebut untuk memenuhi kepelbagaian kehendak konteks terhadap suatu ujaran atau teks tertentu.

Dapatkan kajian ini mendapati pada peringkat awal, faktor berlaku proses gaya bahasa pendepan dan pengakhiran kerana terdapat kepentingan kepada perkara yang didahului. Oleh demikian, kedudukannya di hadapan perlu pelihara bagi menyedarkan pendengar kepada perkara utama sedang disampaikan. Selepas kedatangan al-Jurjani, perspektif sarjana Balaghah terhadap faktor kepentingan semakin berkembang dengan pelbagai faktor spesifik.

Perkembangan tersebut telah membuka dimensi baru kajian gaya bahasa Pendepan dan Pengakhiran dengan lebih mendalam. Kajian-kajian dijalankan terhadap al-Qur'an atau data korpus lain tidak hanya bergantung kepada faktor kepentingan (*ihtimam*) dan penjagaan (*inayah*) semata-mata sebaliknya variasi faktor berjaya dikeluarkan berdasarkan kehendak konteks ujaran.

Penelitian ini juga mendapat kajian-kajian kontemporari lebih fokus kepada kajian aplikasi dalam surah-surah tertentu seperti kajian tematik. Kajian tematik gaya bahasa pendepan dan pengakhiran dalam pelbagai aspek masih luas untuk diteliti dan diketengahkan pada masa akan datang seperti pendepan aspek ayat-ayat kemukjizatan sains, bilangan dan sebagainya.

Setiap struktur dalam al-Qur'an mempunyai tujuan dan nilai estetika tersendiri dalam menyampaikan sesuatu perkara. Kepelbagaian faktor dalam gaya bahasa pendepan dan pengakhiran membuktikan kemukjizatan lingusitik di dalam al-Qur'an. Hal ini membuktikan al-Qur'an mengambil berat konteks isi kandungan melalui kualiti struktur ayat yang dipersembahkan.

## RUJUKAN

- 'Abbas, Fadl Hasan. (2009). *I'jaz al-Qur'an al-Karim*. 'Amman: Dar al-Nafa'is.
- 'Abd al-Halim Dawud, Hudayl. (2010). *Musawwaghat al-Taqdim wa al-Ta'khir fi Surah al-Baqarah. Majallat Abhath Kulliyah al-Tarbiyyah al-Asasiyyah*. 9(4).
- 'Ali, Afdhal Allah. (2012). *Zahirah al-Taqdim wa al-Ta'khir fi al-Lughah al-'Arabiyyah. Majallat al-'Ulum al-Tiqanah*. 12(2), 179-193.
- 'Atiq, 'Abd al-'Aziz. (2009). *'Ilm al-Ma'ani fi al-Balaghah al-'Arabiyyah*. Beirut: Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah.
- Ahmad Sunawari Long. (2016). *Metodologi Penyelidikan Pengajaran Islam*. Ed. ke-3. Bangi: Penerbit UKM Press.
- al-'Akub, 'Isa 'Ali & al-Shatiwi, 'Ali Sa'd. (1993). *al-Kafi fi 'Ulum al-Balaghah al-'Arabiyyah*. al-Qahirah: al-Jami'ah al-Maftuhah.
- Azman Che Mat. (2018). *Ilmu al-Ma'ani dalam Terjemahan Arab-Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ballawi, Rasul. (2016). *al-Ab'ad al-Jamaliyyah li al-Taqdim wa al-Ta'khir fi Surah al-Fatihah. The Islamic College University Journal*. 1(41), 121-136.
- al-Bawwab, Ghadah Ahmad Qasim. (2011). *al-Taqdim wa al-Ta'khir fi Mithl al-'Arabi Dirasat Nahwiyyah Balaghiyyah*. 'Uman: Wizarat al-Thaqafah.

- Braun, V. & Clarke, V. (2006). Using Thematic Analysis in Psychology. *Qualitative Research in Psychology*. 3(2), 77-101.
- Kiger, M. E. & Varpio, L. (2020). Thematic Analysis of Qualitative Data: AMEE Guide no. 131. *Medical Teacher*, 2-9.
- Ghannam, Muhamad Fawwaz 'Arasan. (1993). Uslub al-Taqdim wa al-Ta'khir fi al-Qur'an al-Karim 'ala Ra'y 'Abd al-Qahir al-Jurjani. Disertasi Sarjana Tidak Diterbitkan, al-Jami'ah Urduniyyah, Amman.
- al-Hashimi, al-Sayyid Ahmad. (2006). *Jawahir al-Balaghah fi al-Ma'ani wa al-Bayan wa al-Badi'*. Bayrut: Mu'assasat al-Kutub al-Thaqafiyah.
- Ibrahim, Muhammad Haj. (2010). Balaghat al-Taqdim wa al-Ta'khir fi Surah al-Kahf Dirasat Balaghiyyat Tahliliyyat wa Tatbiqiyyat 'ala Manhaj al-Imam 'Abd al-Qahir al-Jurjani. *Majallat Ma'alim al-Qur'an wa al-Sunnah*. 5(6), 190-226.
- al-Athir, Diya' al-Din. (t.th.). *al-Mithl al-Sayr fi Adab al-Katib al-Sha'ir*. Jil. 2. al-Qahirah: Dar al-Nahdah.
- Ismail Muhamad & Azman Che Mat. (2010). Memaknakan Terjemahan Frasa Sendi Bahasa Arab ke Bahasa Melayu berdasarkan Ilmu Sintaksis-Semantik. *Islamiyyat*. 32, 115–134.
- al-Jurjani, 'Abd al-Qahir. (2013). *Dala'il al-I'jaz*. al-Mansurah: Dar al-Yaqin.
- Lutfi 'Umar. (2014). Athar al-Taqdim wa al-Ta'khir fi al-Ma'na 'ind al-Nahwiyyin. *Majallat al-Andalus li al-'Ulum al-Insaniyah wa al-Ijtima'iyyah*. 7(2), 47-81.
- Mahmud, Nahidah Muhammad. (2005). al-Taqdim wa al-Ta'khir fi al-Qur'an al-Karim. *Majallat Kulliyyat al-Tarbiyyah al-Asasiyyah*. 20(45), 75-90.
- al-Maraghi, Ahmad Mustafa. (1993). *'Ulum al-Balaghah al-Bayan wa al-Ma'ani wa al-Badi'*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Matlub, Ahmad. (2006). *Mu'jam al-Mustalahat al-Balaghiyah wa Tatawwuriha*. Bayrut: Dar al-'Arabiyyah li al-Mawsu'at.
- Mohd Abdul Nasir. (2014). Wacana Komunikasi dalam al-Quran: Satu Analisis terhadap Dialog Dua Hala. Tesis Dr. Fal. Tidak Diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Muhammad, 'Ali Nasir. (2007). al-Taqdim wa al-Ta'khir bayn al-Ins wa al-Jin fi al-Qur'an al-Karim Dirasat Nahwiyyat Dilaliyyat. *Majallat Jam'i'at Tikrit li al-'Ulum al-Insaniyyah*. 14(11), 228-242
- al-Musiri, Munir Mahmud. (2005). *Dilalat al-Taqdim wa al-Ta'khir fi al-Qur'an al-Karim Dirasat Tahliliyyah*. al-Qahirah: Maktabat Wahbah.
- Nayf, Talib 'Uwayd & Wasij, Ahmad Batl. (2014). Balaghat Uslub al-Taqdim wa al-Ta'khir fi Ayat al-Jannah wa al-Nar fi al-Qur'an al-Karim. *Majallat Kulliyyat al-Tarbiyyah al-Asasiyyah*. 20(86), 71-94.
- Nasif, H., Diyab, M., Muhammad, S. & Tammum, M. (2004). *Durus al-Balaghah*. Kuwayt: Maktabat al-Athir.
- Nur Shahirah Zolkanain & Md Nor Abdullah. (2019). Estetik Taqdim dan Ta'khir dalam Surah al-Baqarah. *Bitara International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. 2(3), 85-92.
- Nur Farhan Zamziba. (2021). al-Taqdim wa al-Ta'khir fi Mutashabihat Ayat al-Qur'an al-Karim: Dirasat Siyaqiyat Balaghiyyat. Disertasi Sarjana Tidak Diterbitkan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak, Malaysia.
- Nurdianto, Talqis. (2015). Dawr al-Taqdim wa al-Ta'khir fi Tahsin al-Lughah al-'Arabiyyah. *CMES Journal*. 8(1), 4-17.
- Nurdianto, Talqis. (2017). Mafhum al-Taqdim wa al-Ta'khir bayn 'Abd al-Qahir al-Jurjani wa al-Sakkaki. *The Malaysian Journal of Islamic Sciences*. 19(Special Edition), 163-177.
- Nurdianto, Talqis. (2017). Zawahir al-Taqdim wa al-Ta'khir fi Surah al-Fatihah. *Indonesian Journal of Islamic Literature and Muslim Society*. 2(2), 235-258.

- Nurul Izzah Azhar. (2017). *al-Taqdim wa al-Ta'khir fi Surah al-Kahf: Dirasat Nahwiyyat Balaghiyyat Tahliliyyat*. Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak, Malaysia.
- Qasim, Ahmad Muhammad & Dib, Muhy al-Din. (2003). *'Ulum al-Balaghah al-Badi'* wa *al-Bayan wa al-Ma'ani*. Tripoli: Mu'assasat al-Hadith li al-Kitab.
- al-Qazwini, Jalal al-Din Muhammad ibn 'Abd al-Rahman. (2003). *al-Idah fi 'Ulum al-Balaghah al-Ma'ani wa al-Bayan wa al-Badi*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Rafidah Abdullah. (2007). *Balaghah al-Taqdim fi al-Qur'an al-Karim: Surah al-Baqarah wa al-Hajj Namudhajan*. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- al-Samirra'i, Fadil Salih. (2006). *al-Ta'bır al-Qur'ani*. Oman: Dar al-Ammar.
- al-Sakkaki, Yusuf ibn Abu Bakr Muhammad 'Ali. (1937). *Miftah al-'Ulum*. Misr: Matba'at Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Sibawayh, Abu Bishr 'Amr ibn 'Uthman. (1988). *al-Kitab*. al-Qahirah: Maktabat al-Khanji.
- Shaykhun, Mahmud al-Sayyid. (1983). *Asrar al-Taqdim wa al-Ta'khir fi Lughat al-Qur'an al-Karim*. al-Qahirah: Dar al-Hidayah.
- 'Umar, Lutfi. (2014). Athar al-Taqdim wa al-Ta'khir fi al-Ma'na 'ind al-Nahwiyyin. *Majallat al-Andalus li al-'Ulum al-Insaniyyah wa al-Ijtima'iyyah*. 7(2), 47-81.
- 'Umar, Ahmad Mukhtar. (2008). *Mu'jam al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'asirah*. al-Qahirah: 'Alam al-Kutub.
- al-'Uthaym, Khalid ibn Muhammad. (1998). *al-Asrar al-Balaghiyyah al-Taqdim wa al-Ta'khir fi Surah al-Baqarah Dirasat Tatbiqiyat*. Disertasi Sarjana Tidak Diterbitkan, Jami'ah Umm al-Qura.
- al-Zamakhshari, Abu al-Qasim Mahmud ibn 'Umar. (2009). *Tafsir al-Kashshaf 'an Haqa'iq al-Tanzil wa 'Uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Ta'wil*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Zarkashi, Badr al-Din ibn 'Abd Allah. (2001). *al-Burhan fi 'Ulum al-Qur'an*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.